

Lembaran Kerja Kata Pemeri

Nama: _____

Tahun: Kelas 4A

Pilih penggunaan kata pemeri yang betul.

1. A. Ibu negeri Perak adalah Ipoh.
B. Universiti Malaya ialah universiti yang tertua di Malaysia.
C. Kereta Toyota adalah kereta import.
D. Azim dan Aiman adalah kawan baik Jamal.
2. A. Baju berwarna ungu itu ialah hadiah sempena hari jadinya.
B. Saloma adalah seorang seniwati yang terkenal kerana lakonannya amat diminati ramai.
C. Baginda adalah sultan yang termuda di negara ini.
D. Ali adalah murid terpandai di Kelas 4 Prihatin.
3. A. Mutusamy adalah seorang murid yang aktif dalam sukan.
B. "Zaman ini ialah zaman siber," kata kakak kepada adik.
C. Kereta keluaran negara Malaysia adalah Proton Wira.
D. Aiman membeli roti ialah untuk adiknya.
4. A. Pulau Tioman ialah antara sepuluh buah pulau yang terindah di dunia.
B. Pulau Redang dan Pulau Perhentian adalah dua pulau yang terkenal di Terengganu.
C. Kempen itu diadakan adalah untuk menyedarkan orang ramai tentang pentingnya menjaga alam sekitar.
D. Surat yang sampai tadi ialah daripada peguam.
5. A. Sukacitanya adalah dimaklumkan bahawa sekolah akan bercuti pada minggu hadapan.
B. Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa saya merujuk kepada perkara di atas.
C. Para pendidik ialah tonggak negara dalam melahirkan generasi bijak pandai.
D. Rumput di tepi kolam itu ialah hijau-hijau belaka.

6. A. Dia adalah adik saya.
B. Kemalangan itu ialah disebabkan oleh jalan raya yang licin.
C. Wang yang ada pada saya ini adalah wang baki simpanannya.
D. Rumah Ahmad ialah rumah yang terbesar di Taman Cempaka.
7. A. Pemandangan yang cantik di tepi laut itu ialah faktor utama menarik ramai pelancong ke situ.
B. Badan yang sihat ialah lebih berharga daripada segunung intan.
C. Rumah itu adalah rumah yang telah dibeli oleh Yusri pada minggu lepas.
D. Encik Ahmad adalah orang yang pertama tiba di garisan penamat.
8. A. Malapetaka yang baru berlaku itu adalah amat sukar dipercayai.
B. Ini bukan orang lain tetapi ialah daripada kaum kerabatnya juga.
C. Kesilapan teknikal yang berlaku adalah penyebab utama kemusnahan tersebut.
D. Bangunan di bandar raya New York ialah tinggi-tinggi belaka.
9. A. Lembu Brahman ini ialah lebih sesuai ditenak di Australia.
B. Bayaran yang dikenakan untuk menghadiri majlis makan malam tersebut ialah sebanyak RM40.
C. Adalah menjadi kesalahan besar sekiranya kita melindungi pendatang tanpa izin di rumah kita.
D. Berkhemah di tepi pantai ialah tidak selamat.
10. A. Antara aktiviti yang dirancang pada hari terbuka itu adalah pameran, jualan dan permainan.
B. Penyebaran virus antrax ialah tidak membimbangkan di Malaysia.
C. Senjata yang digunakan oleh tentera Amerika ialah lebih canggih berbanding senjata tentera Afghanistan.
D. Hadiah yang saya beli semalam adalah untuk Ani.